

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1992

PEMBERIAN PENDAHULUAN KENAIKAN GAJI 8% BAGI
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM YANG TIDAK
MEMILIH TAWARAN SISTEM SARAAAN BARU

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk:
 - 1.1 memaklumkan keputusan Kerajaan meneruskan pembayaran pendahuluan kenaikan gaji 8% kepada anggota perkhidmatan awam yang tidak memilih tawaran Sistem Saraan Baru berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992; dan
 - 1.2 menetapkan kaedah pelaksanaannya.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan dan melaksanakan pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8% atas gaji pokok hakiki mulai 1 Januari 1989 hingga 31 Disember 1991 kepada semua anggota perkhidmatan awam yang tidak mendapat faedah penyusunan semula struktur perkhidmatan seperti dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1991. Kaedah penetapan kadar pemberian pendahuluan ini adalah mengikut huraian di perenggan 3 kepada Pekeliling Perkhidmatan tersebut.

KEPUTUSAN KERAJAAN

3. Selanjutnya, Kerajaan telah memutuskan bahawa:
 - 3.1 anggota perkhidmatan awam yang tidak memilih tawaran Sistem Saraan Baru dan sudahpun menikmati faedah pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8% atas gaji pokok hakikinya akan terus menerima faedah tersebut;
 - 3.2 anggota perkhidmatan awam yang terus kekal di bawah syarat-syarat perkhidmatan Laporan JKK 1976 dan kemudian itu menikmati faedah melangkah titik peningkatan yang diperuntukkan dalam skim-skim perkhidmatan yang terlibat dalam urusan penyusunan semula perkhidmatan, adalah tidak layak menerima pemberian pendahuluan ini mulai

2018
daripada tarikh peningkatan itu, sekiranya faedah peningkatan itu melebihi 8% kenaikan gaji;

- 3.3 anggota perkhidmatan awam yang terus kekal di bawah syarat-syarat perkhidmatan Laporan JKK 1976 akan tetapi berpindah ke Sistem Saraan Baru menurut peruntukan perenggan 44, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 adalah tidak layak menerima pemberian pendahuluan ini, mulai daripada tarikh perpindahan tersebut; dan
- 3.4 anggota perkhidmatan awam yang telah memilih tawaran Sistem Saraan Baru tidak layak menerima pemberian pendahuluan ini kerana struktur gaji Sistem Saraan Baru telah mengambilkira kenaikan gaji sekurang-kurangnya 8%.

PELAKSANAAN

Anggota Perkhidmatan Awam Yang Layak

4. Pendahuluan kenaikan gaji 8% hanya diberi kepada anggota perkhidmatan awam yang bertaraf tetap yang tidak memilih tawaran Sistem Saraan Baru dan sudahpun menerima faedah pemberian pendahuluan ini mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1991.
5. Anggota tetap adalah ditafsirkan sebagai mereka yang dilantik ke jawatan tetap termasuk mereka yang dalam percubaan, tukar sementara dan pinjaman. Anggota berkenaan akan terus menerima pendahuluan kenaikan gaji 8% ini mulai 1 Januari 1992 sehingga anggota dinaikkan pangkat, tukar lantik atau bersara.

Anggota Yang Tidak Layak

6. Selain daripada anggota perkhidmatan awam yang dinyatakan di perenggan 3.2, 3.3 dan 3.4 pendahuluan kenaikan gaji ini tidak diberi kepada:
 - 6.1 anggota perkhidmatan awam bertaraf tetap yang telah meletakkan jawatan atau dibuang kerja selepas 1 Januari 1992;
 - 6.2 anggota bertaraf tetap yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan dengan tujuan buang kerja; dan
 - 6.3 anggota bertaraf sementara, kontrak, sangkut, sambilan yang telah mendapat faedah pelarasan gaji mengikut peruntukan perenggan 46 dan 47 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.

Perkiraan


7. Perkiraan pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8% dibuat berdasarkan gaji pokok hakiki anggota seperti di LAMPIRAN.
8. Bagi anggota yang tarikh kenaikan gajinya jatuh pada 1 Januari 1992, pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8% ini adalah berdasarkan kepada gaji pokok hakiki selepas diberi kenaikan gaji tahunan.
9. Perubahan gaji pokok hakiki yang berlaku selepas 1 Januari 1992 melalui kenaikan gaji tahunan akan mengubah amaun pemberian pendahuluan ini mulai tarikh perubahan gaji tersebut.
10. Pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8% ini dibuat secara berasingan tanpa mengubah struktur tanggagaji yang sedia ada. Ia juga tidak mengubah syarat-syarat perkhidmatan seperti tempoh percubaan, tarikh kenaikan gaji, sekatan peperiksaan dan sekatan kecekapan, serta kelayakan claun dan kemudahan sepertimana yang sedang berkuatkuasa.

Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

11. Bagi anggota yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, caruman mereka hendaklah mengambilkira pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8% ini.

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

9 Mac 1992.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s k

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan